

## Keunggulan Dinar Emas Sebagai Mata Wang: Kajian Berdasarkan Sejarah Tamadun Islam

Superiority of the Gold Dinar as Currency: Study Based on the History of Islamic Civilization

SALMY EDAWATI YAACOB

### ABSTRAK

*Malaysia telah mencadangkan penggunaan semula dinar emas sebagai instrumen penting dalam sistem monetari sewaktu negara-negara Asean dilanda krisis mata wang yang teruk pada tahun 1997/98. Cadangan penggunaan dinar emas atau pengembalian sistem monetari berdasarkan emas semakin rancak diperdebatkan apabila Presiden Bank Dunia, Robert Zoelick mencadangkan untuk mewujudkan sistem Bretton Woods II pada tahun 2010 baru-baru ini. Persoalannya, sejauhmanakah dinar emas telah menjadi mata wang unggul dalam sejarah Islam sehingga timbul cadangan untuk mengembalikan penggunaannya dalam sistem monetari dunia? Dan apakah bukti-bukti sejarah Islam yang mengaitkan keistimewaan dan kestabilan penggunaan dinar emas? Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis keistimewaan dan keunggulan mata wang dinar emas berdasarkan data sejarah ketamadunan Islam bermula dari zaman Rasulullah SAW sehingga zaman kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil strategi pendekatan kajian sejarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa dinar emas dinobatkan sebagai mata wang pertama umat Islam dan menjadi lambang kekuatan serta jati diri umat Islam pada zaman kekhalifahan sehingga kejatuhan Empayar Uthmaniah Turki pada tahun 1924. Zaman pengamalan dinar emas disebut sebagai zaman keemasan mata wang kerana kedudukan nilainya yang stabil.*

*Kata Kunci:* Dinar emas, mata wang Islam, tamadun Islam, sistem monetari, piawaian emas

### ABSTRACT

*Malaysia has proposed to reuse gold dinar as an important instrument in the monetary system during the severe currency crisis that has hit the Asean countries in 1997/98. The proposed gold dinar or the return of gold-based monetary system was received by intense debates when the World Bank President, Richard Zoelick, has proposed for an establishment of Bretton Woods II system recently in 2010. The question is how superior the gold dinar is, in the Islamic history that has claimed for its restoration in the global monetary system? And what are evidences of Islamic history linking to its stability and privileges? Thus, this study aims to analyze the privileges and supremacy of gold dinar currency based on the historical data of Islamic civilization from the time of Prophet Muhammad PBUH until the fall of the Ottoman Empire. This is a qualitative study done by the strategy of historical approach. The results show that gold dinar was crowned as the first currency for the Muslims and became a symbol of strength as well as Muslim's identity during the caliphates empire until the fall of the Ottoman Empire in 1924. The era of gold dinar was called the golden era of currency due to its stability by nature.*

*Keywords:* Gold dinar, Islamic currency, Islamic civilization, monetary system, gold standard

### PENGENALAN

Keceluaran sistem ekonomi semasa dengan pelbagai krisis termasuk krisis ekonomi global 2008 menuntut ahli-ahli ekonomi dunia menilai semula sistem mata wang sedia ada. Rentetan itu, timbul gesaan untuk menggunakan kembali dinar emas kerana sejarah membuktikan dinar emas adalah mata wang yang stabil dan harmoni. Dinar emas adalah syiling emas berbentuk bulat yang mempunyai berat 4.25 gram dengan menggunakan emas jenis 917 dan 24 karat. Jenis dan berat ini disebut sebagai timbangan syarak yang telah disepakati oleh para fuqaha pada masa itu.

Oleh sebab itu, dinar emas dikaitkan sebagai mata wang umat Islam dan disebut sebagai mata wang *syar'i* atau mata wang Islam pada hari ini. Usaha mengembalikan semula penggunaan dinar emas moden, secara tidak langsung telah dimulai dengan Pertubuhan Islam Murabitun (Gerakan Murabitun Sedunia) pada tahun 1992 di bawah pimpinan Abdul Qadir al-Murabit. Seterusnya, usaha ini telah mendapat perhatian Perdana Menteri Malaysia pada masa itu iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad. Beberapa usaha ke arah pelaksanaan dinar emas di Malaysia seperti membentuk mekanisme perdagangan menggunakan dinar emas telah dicadangkan sewaktu

era pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad. Beliau telah mencadangkan mekanisme tersebut di dalam Persidangan Negara-negara Islam Sedunia atau *Organisation Islamic Council* (OIC) pada tahun 2003. Usaha dan idea berkaitan dinar emas dipandang positif oleh sebahagian negara OIC. Namun, mekanisme tersebut dianggap gagal apabila sesetengah negara-negara OIC kurang yakin dan tidak percaya dengan dinar emas, tambahan pula pada masa itu terdapat masalah ketidakstabilan politik dan ekonomi di beberapa buah negara OIC (Mahathir 2005).

Sehingga ke hari ini, Malaysia telah memiliki empat agensi penempaan dinar emas iaitu Islamic Mint (*Islamic Gold Dinar*), Royal Mint (Dinar Emas Royal Mint), Kelantan Golden Trade (Dinar Emas Kelantan), Public Gold Fine Sdn Bhd (Dinar Public) dan yang terkini Kerajaan Negeri Kedah (Dinar Emas Muazam Shah). Kualiti emas, berat dan saiz dinar adalah mengikut piawaian Umar al-Khattab seperitimana dinar emas pertama yang dikeluarkan oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Semua dinar yang ditempa di Malaysia adalah mengikut piawaian yang sama. Ukiran di atas permukaan syiling yang membezakan antara dinar-dinar tersebut. Oleh yang demikian, cadangan mengembalikan penggunaan dinar emas sebagai mata wang merupakan satu alternatif dalam mengawal ketidakstabilan nilai mata wang. Ini kerana emas merupakan *real money* yang mempunyai kadar kestabilan yang lebih terjamin tanpa dipengaruhi oleh undang-undang permintaan dan penawaran (*law of demand and supply*) (Lewis 2007), bebas dari inflasi, riba, *gharar* (keraguan), *maysir* (perjudian) dan unsur-unsur spekulatif lain (Salmy Edawati et al. 2009). Maka, timbul persoalan di sini, sejauh manakah pembuktian sejarah tentang keunggulan mata wang dinar emas sehingga menjadi alternatif kepada sistem monetari sedia ada? Analisis sejarah adalah penting dalam mendapatkan pembuktian sejarah berkaitan kelebihan dan kelemahan sistem berasaskan emas dan sistem wang kertas. Kejayaan pemerintah Islam dalam menobatkan dinar emas sebagai mata wang unggul umat Islam perlu dijadikan panduan dalam usaha mengembalikan penggunaan dinar emas atau sistem monetari berasaskan emas. Justeru, kajian ini akan menyusuri sejarah dinar emas yang bermula pada zaman Rasulullah SAW, zaman Khulafa al-Rashidin sehingga ke zaman pemerintahan berkhilafah (Umaiyyah, Abbasiyyah dan Uthmaniah). Pendedahan bukti-bukti sejarah ini menjadi pemangkin dalam mengukuhkan maklumat ke arah pelaksanaan sistem mata wang berasaskan emas, sekali gus mengangkat keunggulan dinar emas sebagai mata wang umat Islam.

## KEUNGGULAN DINAR EMAS SEBAGAI MATA WANG

Data-data sejarah berkaitan dinar emas ditinjau bermula zaman Rasulullah SAW, zaman Khulafa al-Rashidin sehingga zaman pemerintahan berkhilafah (Umaiyyah, Abbasiyyah, dan Uthmaniah) bagi membuktikan keistimewaan dan keunggulan dinar emas sebagai mata wang umat Islam.

### ZAMAN RASULULLAH SAW

Pada zaman awal Islam, Semenanjung Tanah Arab tidak mempunyai mata wang sendiri. Masyarakat Arab di Mekah dan Madinah menggunakan dinar Rom dan dirham Parsi ketika Rasulullah SAW diutus oleh Allah SWT. Semasa di Mekah tidak ada apa-apa perubahan yang dibuat oleh Rasulullah SAW memandangkan pada masa itu adalah masa pemilihan dan peneguhan tenaga penegak Islam (Kamaru Salam 2005) dan bukannya masa syariat muamalat dan penyusunan hukum ekonomi. Rasulullah SAW juga meneruskan penggunaan mata wang Rom dan Parsi ketika menubuhkan kerajaan Islam yang pertama di Madinah. Rasulullah s.a.w memperakuan penggunaan mata wang yang sedia ada iaitu daripada Rom dan Parsi tanpa sebarang perubahan. Baginda SAW tidak menempa mata wang lain bagi kegunaan negara Islam. Oleh itu, bentuk dan corak dinar emas adalah sama dengan mata wang yang dikeluarkan oleh Empayar Byzantium dan Empayar Sasan.

Walau bagaimanapun, kajian Hassan (1999) telah mengenal pasti beberapa peraturan berkaitan ekonomi dan muamalat yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Peraturan tersebut ialah mengarahkan penggunaan timbangan masyarakat Mekah sebagai piawaian sukat menyukat dalam timbangan dan sukanan penduduk Madinah. Pada masa tersebut penduduk Arab Mekah biasanya menjalankan perdagangan di negeri Syam dan Yaman. Mereka sudah mempunyai kaedah pengiraan tersendiri iaitu melalui timbangan. Mereka tidak menerima dalam bentuk bilangan kerana terdapat pelbagai bentuk dan ukuran dinar dan dirham pada masa itu dan dikhawatir berlaku penipuan nilai (Hassan 1999). Ketika Rasulullah SAW diutus sebagai Nabi dan Rasul, Baginda telah menetapkan apa yang sudah menjadi tradisi penduduk Mekah. Baginda juga telah memerintahkan penduduk Madinah untuk mengikuti ukuran timbangan penduduk Mekah, iaitu pada masa itu penduduk Madinah menggunakan kaedah bilangan. Menurut al-Khattabi (1933) penduduk Madinah menggunakan dirham dalam bentuk bilangan

sewaktu Rasulullah SAW sampai di sana. Bukti yang menyokong pendapat ini adalah riwayat dalam cerita Burayrah daripada Aishah r.a., beliau berkata: "Apabila keluargamu ingin aku menghitung untuk mereka satu hitungan, aku lakukan." Maksud Aishah ra adalah dirham sebagai harga. Lalu Rasulullah SAW memberi petunjuk untuk menggunakan timbangan dan piawaianya adalah ukuran timbangan penduduk Mekah. Selain itu juga, terdapat riwayat daripada Ibn Umar r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Sukatan (yang diterima pakai) ialah sukatan penduduk Madinah dan timbangan (yang diterima pakai) ialah timbangan penduduk Mekah (Abu Dawud kitab *al-Buyu' bab fii qawl al-Nabi al-Mikyal al-Madinah*).

Perintah menggunakan satu ukuran dirham yang dibuat oleh Baginda SAW pada masa itu kerana terdapat perbezaan ukuran bagi dirham Persia (Ibn Khaldun 1988). Dirham tersebut terdapat dalam tiga bentuk dan ukuran seperti berikut: mempunyai ukuran 20 *qirath* (karat), 12 *qirath* dan 10 *qirath*. Melalui ukuran ini telah ditetapkan dirham Islam menjadi 14 *qirath* dengan mengambil 1/3 dari semua dirham Persia yang ada. Pengiraan adalah sebagaimana berikut:

$$20 \text{ qirath} + 12 \text{ qirath} + 10 \text{ qirath} = 42/3 \text{ qirath} = 14 \text{ qirath}$$

Manakala, menurut al-Qaysi (2001), kiraan yang digunakan bagi menentukan berat piawaian satu dirham adalah bersamaan dengan enam *dawaniq* iaitu dengan mengambil jumlah purata bagi berat Dirham Suda' al-Wafiyah seberat lapan *dawaniq* dan Dirham Tabriyah al-Atiyah seberat empat *dawaniq*.

$$\begin{aligned} \text{Dirham Suda' al-Wafiyah (8)} &+ \text{Dirham Tabriyah} \\ &\text{al-Atiyah (4)} = 12/6 = 6 \\ &8+4 = 12/2 = 6 \end{aligned}$$

Pada masa itu juga, ijmak ulama berpendapat bahawa satu dirham adalah seberat 55 biji gandum, manakala 10 dirham bersamaan dengan berat emas tujuh *mithqal*. Satu *mithqal* emas adalah bersamaan dengan 72 biji gandum (al-Hasany 1983). Maka, dapat disimpulkan bahawa pada zaman Rasulullah SAW tidak terdapat mata wang Islam khas yang ditempa oleh Baginda SAW. Walau bagaimanapun, terdapat satu sumbangan yang besar dalam sistem mata wang Islam apabila baginda telah menentukan berat bagi mata wang dinar dan dirham yang digunakan oleh umat Islam pada masa itu. Timbangan tersebut diperkenalkan adalah semata-mata untuk

menyeragamkan nilai mata wang yang pelbagai saiz dan bentuk, sekali gus membawa kepada kestabilan dan keharmonian sistem ekonomi. Hal ini telah membuktikan bahawa emas dan perak merupakan bentuk mata wang yang mempunyai nilai yang stabil. Manakala perakuan baginda terhadap penggunaan syiling emas dan perak dari wilayah Rom dan Parsi juga menjadi dalil *taqrir* terhadap kesahihan penggunaannya.

#### ZAMAN KHULAFAH AL-RASHIDIN

Rasulullah SAW tidak pernah cuba menempa mata wang baru bagi kegunaan negara Islam, malah sebaliknya baginda memperakukan penggunaan mata wang sedia ada tanpa sebarang perubahan. Keadaan sedemikian berterusan sehingga ke zaman Abu Bakar al-Siddiq dan sebahagian daripada zaman Umar al-Khattab. Perubahan awal terhadap mata wang Islam telah berlaku pada tahun ke-18H (639M) sewaktu tentera Islam berjaya menawan Parsi. Pada masa ini masyarakat Islam di Iraq dan Iran mula mencetak mata wang Islam sendiri dalam bahasa Parsi (al-Haddad 2006). Ini menunjukkan Umar al-Khattab telah menerima mata wang syiling dirham yang dihasilkan menerusi acuan Sasan yang mengekalkan gambar maharaja Sasan dan gambar tempat penyembahan api bagi agama Majusi. Berdasarkan analisis al-Maqrizi (1957), Umar al-Khattab dilaporkan telah menempa syiling perak (dirham) mengikut acuan Sasan tersebut dengan sedikit perubahan. Perubahan tersebut dilakukan dengan memasukkan ungkapan *al-Hamdu lillah/Muhammad Rasulullah/La ila ha illallahu hu wahdah* pada mata wang yang baru ditempa. Walau bagaimanapun, gambar maharaja Sasan masih dikenalkan di bahagian hadapan dan tempat penyembahan api di bahagian belakang. Beliau juga telah memasukkan nama beliau pada sesetengah dirham Parsi. Oleh itu, al-Maqrizi (1957) mendapati bahawa Umar al-Khattab merupakan orang pertama yang membuat perubahan ke atas mata wang iaitu dalam tahun 20H. Perubahan yang dilakukan adalah dengan menambahkan tulisan *kufi* untuk tambahan-tambahan tersebut.

Walau bagaimanapun, kajian Hallan (1978) yang dilakukan selepas itu, menyanggah pandangan al-Maqrizi di mana beliau mendapati, orang pertama yang melakukan perubahan ke atas mata wang adalah Khalid bin al-Walid iaitu panglima perang Islam yang terkenal pada zaman Umar al-Khattab. Perubahan tersebut dilakukan pada tahun 15H (635M) di mana Khalid bin al-Walid dipercayai mencetak namanya pada mata wang yang ditempa oleh kerajaan Greek

Yunani di Tibriz. Beliau masih mengekalkan gambar maharaja Greek dan tanda salib pada mata wang tersebut. Beliau hanya menambahkan perkataan ‘*XAVED*’ iaitu huruf Yunani yang membawa maksud ‘KHALID’ pada mata wang yang baru ditempa. Walau bagaimanapun, bagi Dawud (1997) dan Hassan (1999) penemuan ini tetap membuktikan bahawa perubahan pertama terhadap mata wang Islam mula berlaku pada zaman Umar al-Khattab. Di samping itu, al-Maqrizi (1957) dan Hassan (1999) juga mengenal pasti bahawa Umar al-Khattab mempunyai piawaian mata wang khas berdasarkan berat yang dikenali sebagai ‘Piawaian Khalifah Umar al-Khattab r.a.’ Piawaian tersebut menentukan 10 dirham bersamaan dengan 7 dinar dan setiap dinar mempunyai 4.25 gram emas manakala, setiap dirham pula mengandungi 3 gram perak. Vadillo (2002) percaya bahawa piawaian ini harus dikekalkan dan diaplikasikan ke atas dinar dan dirham moden pada hari ini.

Manakala pada zaman Uthman dan Khalifah Ali r.a. pula, kajian Hassan (1999), Anwar (2002) dan al-Haddad (2006) mendapati sedikit perubahan yang dibuat pada syiling dirham acuan Sasan iaitu dengan menambahkan perkataan ‘*Allahu Akbar*,’ ‘*Muhammad*,’ ‘*Bismillah*,’ ‘*Barakah*,’ ‘*Bismillahirabi*’ yang ditulis dengan huruf *kufi*. Gambar-gambar pemimpin Parsi dan Rom serta tanda agama mereka masih tetap wujud pada mata wang tersebut dan mata wang ini bertarikh 31H (652M). Selain itu, Hassan (1999) juga mendapati bahawa ‘Uthman mencetak nama bandar tempat mata wang tersebut dikeluarkan dengan bahasa dan tulisan Pahlavi, iaitu bahasa kerajaan Sasan di Parsi. Seterusnya pada zaman Khalifah Ali bin Abi Talib menyaksikan sedikit lagi perubahan yang dilakukan ke atas mata wang sedia ada iaitu dengan menambah ungkapan ‘*Allahu Rabbi*’ atau ‘*Bismillah*’ selain mencetak nama ‘*Muhammad*’ dengan tulisan Arab Kufi (al-Haddad 2006). Maka, dapat disimpulkan bahawa pada zaman Khulafa al-Rashidin terdapat ukiran lambang Islam dan kebesaran pemerintah Islam pada mata wang. Keadaan ini menunjukkan mata wang merupakan wasilah penting dalam menonjolkan jati diri Islam. Pada zaman ini juga diperkenalkan piawaian khas untuk bentuk, saiz dan berat mata wang Islam iaitu melalui ‘Piawaian Umar al-Khattab.’ Ini membuktikan bahawa Islam berpegang kepada sesuatu piawaian khas dalam menjamin kestabilan nilai mata wang dan keharmonian sesebuah ekonomi. Justeru, pengamalan sistem mata wang tanpa piawaian khas yang stabil dan adil akan mengundang pelbagai krisis dan masalah dalam sistem ekonomi.

#### ZAMAN UMAIYYAH (662-750M)

Kerajaan Bani Umaiyyah bermula pada tahun 41H (662M) setelah berakhirnya pemerintahan Khalifah Ali bin Abi Talib. Era pemerintahan kerajaan Umayyah telah berlangsung selama 90 tahun dan seramai 14 orang khalifah yang pernah menerajui kerajaan tersebut. Beberapa orang khalifah yang berpengaruh telah membantu dalam perkembangan sejarah Islam pada zaman tersebut. Khalifah-khalifah tersebut adalah seperti; Mu’awiyyah bin Abi Sufyan (41H/661M-60H/680M), Abdul Malik bin Marwan (65H/685M-86H/705M), al-Walid bin Abdul Malik (86H/705M-101H/720M), Hisham bin Abdul Malik (106H/724M-125H/743M). Khalifah-khalifah ini telah membantu dalam memperkembangkan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Islam pada masa itu (al-Haddad 2006). Pergolakan dan pemberontakan politik Islam telah berlaku pada peringkat awal pemerintahan Bani Umawiyah. Situasi ini telah memberi kesan yang besar dalam perkembangan mata wang Islam apabila terdapat pemberontak yang berusaha mengeluarkan mata wang sendiri bagi membuktikan penguasaannya di beberapa wilayah Islam yang tertentu. Rentetan dari itu, pengeluaran dan pengawalan mata wang pada awal zaman Umawiyyah telah dilakukan oleh gabenor setiap wilayah. Antara gabenor yang mengeluarkan mata wang sendiri ialah Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi, Abdullah bin al-Zubayr r.a. dan Musab bin al-Zubayr. Mata wang-mata wang yang dikeluarkan ini masih tetap menggunakan mata wang Parsi dan Rom dengan beberapa tambahan unsur Islam termasuk tulisan ‘*Abd Allah Amir al-Mu’mīn*’ (Hassan 1999).

Muawiyah bin Abi Sufyan merupakan khalifah Umayyah yang pertama. Menurut al-Haddad (2006), pada peringkat awal pemerintahannya, beliau tidak menempa atau mencetak mata wang baru, beliau hanya meneruskan tradisi Khulafa al-Rashidin yang mencetak kalimah dan lafadz bahasa Arab. Manakala tarikh pada mata wang tercatat adalah sama ada mengikut takwim Parsi atau takwim Hijri. Walau bagaimanapun, Zaydan (t.th.) mendapati sedikit perubahan yang dilakukan oleh Muawiyah bin Abi Sufyan apabila beliau memasukkan gambar khalifah yang sedang menyandang pedang (Anwar 2002). Namun, menurut Grierson (1960) mata wang yang dikeluarkan oleh Muawiyah ini tidak dapat diterima oleh masyarakat pada masa itu kerana tidak mempunyai tanda salib. Muller, orientalis Jerman telah mengeluarkan satu bukti gambar mata wang yang dikeluarkan oleh Muawiyah bin Abi Sufyan r.a.

Mata wang tersebut adalah dinar emas yang berasal dari Parsi dan tercatat nama ‘Muawiyah’ (Zaydan t.th).

Pada awal zaman Umawi juga sudah terdapat mata wang bukan emas dan perak iaitu *fulus* atau tembaga yang telah digunakan secara meluas. Mata wang *fulus* ini digunakan untuk pembelian barang kecil dan murah. Mata wang tembaga ini telah digunakan oleh orang Rom sejak awal lagi tetapi ia tidak digunakan secara meluas di kalangan orang Arab sebelum penaklukan wilayah-wilayah Syria. Khalifah-khalifah selepas Muawiyah bin Abi Sufyan dilaporkan tidak mencetak dan menempa mata wang baru, hanya mengguna pakai mata wang dinar dan dirham yang sedia ada. Keadaan ini berterusan hingga ke zaman Khalifah Umayyah yang ke kelima iaitu Abdul Malik bin Marwan yang memerintah bermula tahun 65H (685M) sehingga 85H (705M). Abdul Malik bin Marwan merupakan seorang khalifah Islam yang mempunyai semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan ekonomi umat Islam. Justeru, beliau telah menetapkan tiga matlamat utama dalam ekonomi mata wang. Matlamat tersebut ialah:

1. Membebaskan negara Islam dari menggunakan mata wang asing (Parsi dan Rom). Pembebasan ini sama ada dari sudut ekonomi dan pembebasan dari unsur-unsur bukan Islam pada mata wang.
2. Menyatukan seluruh umat Islam dengan satu mata wang sahaja setelah terdapat pelbagai mata wang yang dikeluarkan oleh gabenor (Dawud 1997). Ini menimbulkan kesukaran bagi umat Islam terutama bila terdapat perbezaan antara nilai dan berat antara mata wang-mata wang ini.
3. Kerajaan sahaja yang berhak mengeluarkan mata wang (Dawud 1997).

Sehubungan itu, dalam mencapai misi ini, Abdul Malik bin Marwan telah mengeluarkan dinar Islam pertama pada tahun 76H (696-697M) (Dawud 1997; Hassan 1999; Pamuk 2000). Dinar Islam ini bernilai satu *mithqal* dan ringan sedikit daripada dinar Rom iaitu 4.25 gram berbanding dinar Byzantine 4.55 gram. Menurut Nasir (t.th.), berat dinar Islam yang diputuskan oleh Abdul Malik bin Marwan ini dipersetujui oleh *ahlul hall wa al-'aqd* dan semua sahabat serta tabiin yang hidup pada zaman tersebut. *Ahlul hall wa al-'aqd* ialah orang yang mewakili umat Islam bagi melantik dan memecat seseorang khalifah atau pemimpin lain. Mereka mestilah seorang Islam, berakal, cukup umur, adil, merdeka dan mampu menilai. Biasanya pada zaman dahulu mereka ialah orang yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat

setempat dan para ulama Islam. Pada hari ini kedudukan *ahlul hall wa al-'aqd* hampir menyamai ahli parliment dengan perbezaan-perbezaan pada syarat dan kelayakan (Dawud 1997). Manakala Anwar (2002) berpandangan bahawa usaha-usaha mengubah mata wang tidak hanya terbatas kepada menambah perkataan atau ungkapan yang bersifat Islami, malah meliputi tindakan menghilangkan lambang-lambang tidak Islami dan dalam sesetengah ukiran digantikan dengan lambang-lambang lain. Sejak tahun 72 Hijrah umpamanya, teraan salib yang terdapat pada mahkota atau topi besi maharaja Byzantium telah dibuang. Begitu juga teraan salib yang lain, sama ada pada bahagian hadapan atau belakang syiling. Manakala, menurut Grierson (1960) pula, pembuatan mata wang dinar dan dirham pada zaman Abdul Malik bin Marwan menghasilkan bentuk mata wang yang bebas daripada acuan Byzantium dan Sasan sepenuhnya walaupun masih terdapat mata wang Arab Sasan yang dikeluarkan. Gambar 1 menunjukkan rupa bentuk dinar emas Islam pertama pada zaman Abdul Malik bin Marwan.



GAMBAR 1: Dinar Emas Islam Pertama Pada Zaman Abdul Malik bin Marwan (696/7M)

Sumber: The British Museum 2009

Al-Shaybani (1995) juga menjelaskan bahawa Khalifah Abdul Malik bin Marwan juga telah menempa mata wang dirham Islam bagi menggantikan dirham Parsi. Mata wang dirham Islam adalah seberat 6 *dawaniq*. Menurut al-Hambali (1400H), pada sebelah permukaan dirham Islam ditulis surah *al-Ikhlas* dan sebelah lagi ditulis kalimah *tawhid*. Mata wang dirham ini digelar oleh fuqaha Islam sebagai *al-Dirham al-Islami*. Manakala Hallan (1978) mengenal pasti bahawa peringkat penempaan mata wang dinar dan dirham Islam ini tidaklah dilakukan secara mendadak. Ia berlaku secara berperingkat-peringkat

iaitu usaha penempaan mata wang dinar berlaku dalam tahun 74H manakala mata wang dirham pula pada tahun 75H, kemudian berlaku usaha secara berterusan sehingga benar-benar wujud mata wang Islam. Oleh itu, Abdul Malik bin Marwan merupakan individu pertama yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan mata wang syiling Islam pertama dalam tiga dominasi iaitu (Shahadah 2006):

1. Dinar (syiling emas).
2. Dirham (syiling perak).
3. Fals (syiling gangsa).

Usaha-usaha Abdul Malik bin Marwan ini merupakan satu sumbangan yang besar kepada negara dan umat Islam kerana dengan usaha ini telah wujudnya mata wang bagi umat Islam. Usaha yang dilakukan ini juga telah mengelakkan penipuan dan kewujudan mata wang palsu. Khalifah-khalifah Umaiyyah selepas Abdul Malik bin Marwan telah mengambil tindakan yang tegas terhadap sesiapa sahaja yang cuba mempermainkan mata wang yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Terdapat pelbagai jenis mata wang yang dikeluarkan oleh para khalifah Umaiyyah selepas itu antaranya ialah (al-Shaybani 1995).

1. Mata wang *al-Hubayriyyah* yang dikeluarkan oleh Umar bin Hubayrah.
2. Mata wang *al-Khalidiyyah* yang dikeluarkan oleh Khalid bin Abdullah.
3. Mata wang *al-Yusufiyyah* yang dikeluarkan oleh Yusuf bin Umar.

Manakala Khalifah al-Wasit dianggap salah seorang yang paling banyak menghasilkan mata wang. Beliau telah mewujudkan kilang-kilang pengeluaran wang dirham di Damsyik pada tahun 84H (703-704M). Walaupun sudah terdapat mata wang rasmi kerajaan Islam, namun sesetengah gabenor terus juga mengeluarkan mata wang mereka sendiri. Ziyad bin Abihi dan Musa bin Nusayr sebagai contohnya telah mengukir nama-nama mereka sendiri pada mata wang yang dikeluarkan pada zaman pemerintahan mereka (The Encyclopedia of Islam 1999).

Rumusannya, dinar emas dan dirham perak Islam pertama berjaya dikeluarkan oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan atas semangat juang yang tinggi untuk mempertahankan ekonomi umat Islam. Mata wang Islam ini telah diterima pakai dan digunakan secara meluas di seluruh wilayah Islam dan negara-negara Eropah sekitarnya pada masa itu. Justeru, semangat dan kesedaran daripada pemerintah merupakan faktor utama dalam

menjayakan penggunaan kembali sistem monetari berdasarkan emas pada masa ini.

#### ZAMAN ABBASIYYAH (750-1258M)

Menurut al-Hibri (1993), pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyyah adalah bermula pada tahun 132H (750M) sehingga tahun 656H (1258M). Pemerintahan Bani Abbasiyyah berlangsung selama lebih lima kurun dan menyaksikan kecemerlangan tamadun Islam. Pada awal zaman Bani Abbasiyyah, umat Islam masih lagi menggunakan mata wang yang sama dengan zaman Bani Umaiyyah. Walau bagaimanapun, pada permulaan zaman Abbasiyyah terdapat pergolakan dan perpecahan kesatuan khalifah. Rentetan daripada perpecahan kesatuan khalifah, mengakibatkan pemerintah setempat mengeluarkan mata wang mereka sendiri. Walaupun begitu, mereka tetap mengekalkan nama khalifah pada mata wang tersebut sebagai tanda penghormatan dan kepatuhan kepada seorang khalifah. Selain itu, pemerintahan Umai di Sepanyol dan kerajaan Fatimiyyah di Utara Afrika mengeluarkan mata wang mereka yang berbeza dari khalifah Abbasiyyah. Begitu juga, apabila kebangkitan Murabitun di Morocco pada tahun 449H hingga 541H (1057M-1146M), mereka telah mengeluarkan mata wang mereka sendiri. Juga diikuti dengan golongan Muwahhidun ketika berkuasa di sana pada tahun 540H (1146M), turut mengeluarkan mata wang mereka sendiri (The Encyclopedia of Islam 1999).

Hassan (1999) mendapati pada masa itu, negara-negara Eropah selatan telah menggunakan mata wang dinar dengan begitu meluas dalam perdagangan dan urus niaga harian mereka. Dinar yang dikeluarkan oleh Murabitun digunakan di Eropah dan dikenali sebagai Murabiti (atau maravedi di Spanyol). Mata wang satu per empat (1/4) dinar yang dikenali sebagai *taris* hasil keluaran kerajaan Fatimiyyah juga digunakan di Itali setelah dibawa masuk melalui Sicily. Begitu juga dengan dirham perak yang telah sampai dengan kuantiti yang banyak ke timur dan utara Eropah melalui perdagangan. Sebahagiannya juga ada yang sampai ke negara-negara Scandinavia (Encyclopedia Britannica 2002). Pada zaman ini penggunaan wang kertas masih tidak berjaya dikeluarkan apabila Ilkhan salah seorang raja Tartar semasa pemerintahan Mongol di Baghdad, telah cuba untuk memperkenalkan mata wang kertas kepada masyarakat tetapi gagal dan akhirnya dihapuskan oleh Ghazan pada tahun 697H (1297M) (The Encyclopedia of Islam 1999). Pada awalnya, masyarakat zaman Abbasiyyah masih

meneruskan kesinambungan penggunaan mata wang dari zaman Umaiyyah. Walau bagaimanapun, terdapat tiga aspek perubahan yang telah dilakukan terhadap mata wang pada zaman Abbasiyyah iaitu; bentuk tulisan, penggantian ungkapan ayat al-Quran dan cara penulisan nama khalifah.

#### BENTUK TULISAN

Kesemua tulisan pada mata wang yang dikeluarkan menggunakan huruf *kufi* sehinggalah tahun 621H. Namun, menurut Zaydan (t.th.) pada masa pemerintahan al-Aziz Muhammad bin Salah al-Din al-Ayubi, tulisan pada mata wang telah ditukar kepada tulisan biasa. Walau bagaimanapun, terdapat perubahan dalam tulisan kaligrafi khat *kufi*, yang ditulis dalam bentuk yang lebih menarik dengan gaya baru. Perubahan bentuk penulisan ini bermula pada tahun 207H (822M) bagi mata wang dinar dan kebiasaannya ditempa di Baghdad.

Manakala, al-Hibri (1993) mendapati perubahan ini berlaku adalah rentetan daripada perkembangan kesenian dan ketamadunan Islam yang berlaku pada zaman Abbasiyyah yang digelar zaman keemasan Islam. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut dapat dilihat apabila nama tempat (negara) pengeluar tidak dicatatkan sehinggalah pada awal kurun kedua hijrah. Nama tahun pula dimulai dengan perkataan *al-sanah* kemudian digantikan pula dengan perkataan *al-'am*. Tulisan ini merujuk kepada tarikh pengeluaran (bulan dan tahun pengeluaran) atau zaman pemerintahan. Tahun tempaan pada awalnya ditulis dengan perkataan dan hanya digantikan dengan angka pada kurun ketujuh hijrah (Zaydan t.th.). Dinar tertua yang dijumpai mencatatkan angka tahun hijrah pada muka mata wang tersebut bertarikh 95H (The Encyclopedia of Islam 1999).

#### PENGGANTIAN UNGKAPAN AYAT AL-QURAN

Menurut Anwar (2002), surah al-Ikhlas yang diukir pada permukaan mata wang sewaktu zaman Abdul Malik bin Marwan telah digantikan dengan perkataan '*Muhammad Rasulullah*' oleh pemerintah Abbasiyyah. Penggantian dan penukaran ungkapan ini adalah bertujuan untuk menunjukkan keakraban hubungan Bani Abbasiyyah dengan Baginda Rasulullah SAW (The Encyclopedia of Islam 1999). Pembaharuan ini bermula setelah bertukarnya tampuk pemerintahan Daulah Islamiyyah daripada Umawi kepada Abbasi pada tahun 132H (750M).

#### PERUBAHAN CARA PENULISAN NAMA KHALIFAH

Sebelum ini mata wang Umaiyyah telah meletakkan nama Khalifah sepenuhnya tanpa gelaran atau *laqab* dan kemudiannya diikuti dengan perkataan 'Amir al-Mu'minin.' Walau bagaimanapun, semasa berlakunya penyeragaman mata wang Islami pada zaman Abdul Malik bin Marwan, pemerintah Bani Umaiyyah tidak meletakkan nama mereka pada permukaan mata wang. Oleh itu, Khalifah Abbasiyyah telah mengubah cara penulisan nama yang pernah dilakukan sebelum ini dengan didahului oleh *laqab* dan diikuti oleh nama khalifah. Usaha pertama yang dilakukan dalam meletakkan nama khalifah adalah semasa zaman Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (136H/754M-158H/775M) (The Encyclopedia of Islam 1999). Selain nama-nama khalifah, nama pengganti khalifah atau gabenor juga pernah ditulis semasa pemerintah Abbasiyyah. Pada tahun 145H (763M), Khalifah Abbasiyyah, al-Mansur membenarkan anaknya, al-Mahdi untuk menuliskan namanya pada mata wang yang dikeluarkan di Khurasan dan Armenia. Nama gabenor Armenia ialah al-Hassan al-Qahtaba dan namanya juga pernah dijumpai tertulis pada mata wang dirham yang dikeluarkan di Armenia pada tahun 154H (771M) (The Encyclopedia of Islam 1999).

Selain itu, pemerintah kerajaan Fatimiah di Utara Afrika juga telah meletakkan nama-nama *ahl al-bayt* pada mata wang mereka. Nama-nama seperti Ali bin Abi Talib al-Wasi, Zahra' dan lain-lain dicatatkan bersama nama khalifah mereka terutama pada zaman al-Muiz, iaitu pemerintah Fatimiah yang keempat (The Encyclopedia of Islam 1999). Selepas Abbasiyyah menghadapi serangan Mongol, pemerintah pertama Mongol juga telah meletakkan pada mata wang yang dikeluarkannya perkataan '*Syiling atas nama Khan Agung Pemenang*' dalam bahasa Uyghur. Pemerintah Mongol selepas itu, Uldiyatu juga telah meletakkan semua nama Khulafa al-Rashidin pada mata wang yang dikeluarkannya dan kemudiannya menambahkan nama-nama Imam Shiah setelah beliau mengisytiharkan dirinya menganut Shiah (The Encyclopedia of Islam 1999).

Walau bagaimanapun, piawaian khas bagi mata wang dinar dan dirham pada zaman Abbasiyyah masih lagi belum dapat diselaraskan dengan baik. Ini kerana pergolakan politik dan pentadbiran yang berlaku sepanjang tempoh pemerintahan Bani Abbasiyyah menyukarkan khalifah untuk mengawal pengeluaran mata wang serta gagal menentukan satu piawaian yang seragam. Nilai bagi setiap mata wang yang dikeluarkan juga semakin berkurang dan pemalsuan mata wang turut berlaku. Timbangan

berat dan peratusan penggunaan emas dan perak dalam menghasilkan mata wang dinar dan dirham juga turut berkurang. Secara kesimpulannya, mata wang dinar dan dirham masih lagi dikekalkan penggunaannya walaupun pada zaman Abbasiyyah terdapat pelbagai jenis mata wang yang dikeluarkan oleh pemerintah akibat pergolakan dan perpecahan wilayah. Perubahan mata wang yang banyak berlaku adalah berkaitan dengan bentuk tulisan, penggantian ungkapan ayat al-Quran dan penulisan nama khalifah sahaja. Ini bermakna timbangan berat dan jenis emas adalah sama. Walau bagaimanapun, di akhir zaman ini mula berlaku pemalsuan dan penurunan nilai mata wang yang disebabkan pergolakan politik dalam pemerintahan ‘Abasiyyah. Walaupun begitu, mata wang kertas masih lagi tidak diterima penggunaannya meskipun sudah ada usaha untuk memperkenalkannya. Ini menunjukkan bahawa masyarakat pada masa itu lebih yakin dengan logam bernilai seperti emas dan perak berbanding kertas untuk dijadikan sebagai mata wang.

#### ZAMAN UTHMANIAH (1299-1924M)

Kerajaan Uthmaniah bermula selepas kejatuhan Bani Abbasiyyah di tangan tentera Mongol di Baghdad. Pada asalnya mata wang Uthmaniyyah hanya diperbuat daripada perak dan dalam bentuk yang kecil dipanggil ‘akche’ (orang Eropah memanggilnya ‘asper’) dan mata wang asalnya daripada acuan mata wang Ilkhan (Anwar 2002). Kerajaan Uthmaniyyah tidak pernah menempa mata wang sendiri sebelum kurun ke-15. Mereka biasanya menggunakan mata wang yang dikeluarkan di Venice dan mata wang perak dari negara Eropah lain. Satu perubahan besar yang dilakukan oleh kerajaan ‘Uthmaniyyah pada masa itu ialah memperkenalkan monogram yang diletakkan di sebelah muka mata wang yang dikeluarkan (Nurfarizan 2010).

Menurut Anwar (2002), masyarakat Uthmaniah menggunakan mata wang perak ‘akche’ sehingga tahun 848H. Mata wang ‘akche’ ditempa dengan piawaian berat yang sama iaitu dengan 1.1 gram perak. Tetapi, selepas tahun 848H setiap kali penempaan baru dibuat, timbangan berat mata wang ‘akche’ akan dikurangkan. Manakala, pada tahun 882H, Sultan Muhammad II telah menempa mata wang emas Uthmani yang pertama dan dikenali sebagai mata wang dinar sultani. Dinar sultani ditempa mengikut piawaian mata wang dukat yang dikeluarkan oleh Vinice iaitu 3.52 gram emas. Pada era pemerintahan Selim I dan Sulayman I, mata wang tempatan seperti dinar ashrafi Mesir dan syiling emas Dynasti Ziyān

di al-Magribi terus diguna pakai di samping mata wang dinar sultani.

Bermula abad ke 11-H, kerajaan Uthmani mula dilanda masalah ekonomi yang teruk seperti inflasi dan kejatuhan nilai mata wang. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh kemasukan perak yang berlebihan oleh pedagang-pedagang Eropah yang membeli emas untuk dieksport ke negara mereka. Rentetan itu, nilai ‘akche’ jatuh secara mendadak dan mendatangkan inflasi yang teruk. Pelbagai usaha dilakukan untuk menstabilkan ekonomi kerajaan seperti mengeluarkan mata wang perak yang lebih besar dengan nilai 10 dan 5 ‘akche’ yang dikenali sebagai mata wang ‘para.’ Pada masa ini juga menyaksikan lambakan mata wang tembaga atau mangir sehingga hampir tiada nilai dan tidak digunakan langsung dalam urusan jual beli. Begitu juga dengan nilai dinar sultani amat rendah jika dibandingkan dengan dukat Vanice. Ini menunjukkan bahawa penguasaan mata wang Eropah telah mengambil alih peranan mata wang ‘Uthmani dalam abad ke-11H ini (Hassan 1999).

Keadaan ini telah membawa kepada reformasi kewangan pada abad ke-12H apabila pengeluaran mata wang emas dan perak yang besar telah bertukar menjadi barang perhiasan atau komoditi. Usaha-usaha untuk mengeluarkan mata wang yang berasaskan emas, perak dan tembaga sentiasa menemui kegagalan. Akhirnya kerajaan ‘Uthmaniyyah terpaksa mengeluarkan mata wang mengikut acuan Eropah pada pertengahan abad ke-13H. Pada masa itu mata wang perak dengan nilai 20 qurush majdi ditempa dengan berat 24 gram dan mata wang emas yang diberi nama lira dengan nilai 100 qurush ditempa dengan berat 7.2 gram. Mata wang-mata wang ini terus ditempa dan diguna pakai sehingga berakhirnya zaman Turki Uthmaniyyah pada tahun 1924M. Pada akhir pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah, penggunaan wang kertas telah bermula secara rasmi. Pada tahun 1256H (1840M), kerajaan Uthmaniyyah telah mengeluarkan mata wang kertas yang dinamakan al-Qa’imah. Ia hanya digunakan selama 23 tahun hingga dibatalkan secara rasmi pada tahun 1278H (1861M). Pembatalannya adalah disebabkan oleh pengeluarannya yang terlampau banyak sehingga melebihi had yang sepatutnya. Ini mengakibatkan orang ramai hilang kepercayaan terhadap wang kertas al-Qa’imah. Walau bagaimanapun, pada tahun 1293H, al-Qa’imah telah dikeluarkan sekali lagi, namun terpaksa dihentikan seketika kerana tidak diterima oleh orang ramai. Pada tahun 1332H, pengeluaran al-Qa’imah telah dibuat untuk kali ke tiga dan dikuatkuasakan penggunaannya menerusi undang-undang. Wang kertas ini terus digunakan sehingga

kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah pada tahun 1924 (al-Hasany 1983).

Mengikut *Encyclopaedia Britannica* (2002) terdapat beberapa jenis wang perak yang berbentuk agak kecil (kebanyakannya adalah dari bentuk kerajaan Umayyah) telah digunakan di India sewaktu kemasukan Islam pertama dan pengasasan Dinasti Sind pada abad ke-8 Masihi. Dinasti Ghurid yang menerima Afganistan sejak abad ke-12 Masihi telah mengeluarkan pelbagai bentuk mata wang emas dan perak. Kebanyakan mata wang tersebut begitu berat sehingga mencapai 10.76 gram. Manakala antara abad ke-15 dan 16 mata wang emas hampir tidak dikeluarkan. Sher Shah yang memerintah utara India antara tahun 1540M-1545M telah mengeluarkan wang perak yang besar. Pemerintah-pemerintah Monggol seperti Akbar (1542-1605M) dan Jahangir (1569-1627M) telah mengeluarkan mata wang yang cantik dengan memasukkan nama-nama maharaja dalam bahasa Parsi di permukaan mata wang tersebut.

Selain itu, Hassan (1999) menyatakan bahawa negara Arab seperti Mesir telah mengeluarkan mata wang sendiri setelah mencapai kemerdekaan dari kerajaan Uthmaniyyah pada tahun 1914. Mata wang mereka didasarkan pada ‘piaster’ ditempa dalam bahasa Arab. Ia diperbuat daripada emas dan perak dan dicap dengan gambar Raja Fu’ad I dan kemudiannya Raja Faruq I. Selepas Mesir bertukar menjadi negara republik, mata wang Mesir hanya diperbuat daripada campuran aluminium dan ‘bronze’ berserta sedikit perak atau kadangkala emas. Kamaru Salam (2005) pula mengenal pasti bahawa keadaan di kebanyakan negara Islam lain selepas penjajahan barat adalah hampir sama. Pengenalan wang kertas telah menukar penggunaan mata wang mengikut mata wang penjajah yang menjajah mereka sama ada British, Perancis, Belanda atau Sepanyol. Sehinggalah negara-negara tersebut mencapai kemerdekaan barulah mata wang sendiri diperkenalkan. Gambar 2 menunjukkan bentuk dinar emas yang terakhir telah digunakan oleh umat Islam pada zaman Khalifah Uthmaniyyah, Turki.

Selepas kejatuhan kerajaan Turki pada tahun 1924, maka berakhirlah dinar emas dan dirham perak Islam klasikal dalam sistem kewangan dunia. Hampir 70 tahun selepas itu, barulah muncul penempaan-penempaan baru mata wang dinar emas dunia moden seperti Islamic Gold Dinar (IGD), Dinar Emas Royal Mint, Dinar Emas Kelantan (DEK), Public Dinar dan Dinar Dirham Mu’adzam Shah (Salmy Edawati 2009; Salmy Edawati 2011). Secara kesimpulannya, pada awal zaman Uthmaniyyah menyaksikan penempaan



GAMBAR 2: Dinar Emas Terakhir Umat Islam Zaman Uthmaniyyah Tahun 1924

Sumber: Hakimi Ibrahim 2002

mata wang pertama Uthmani adalah daripada dinar emas yang dikenali sebagai Dinar Sultani. Walau bagaimanapun, dinar emas tidak dapat dipertahankan kerana berlakunya kemasukan secara besar-besaran mata wang perak dari Eropah dan lambakan mata wang tembaga mangir. Transformasi kewangan juga berlaku dalam kerajaan Uthmaniyyah setelah wang kertas al-Qa’imah diperkenal dan dikuatkuasakan penggunaannya. Rentetan itu, krisis ekonomi, kejatuhan nilai mata wang dan inflasi berlaku dalam tempoh tersebut kerana sistem mata wang sudah tidak didasari emas dan perak. Justeru, ketidakstabilan ekonomi dan kecelaruan sistem mata wang menjadi punca utama kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah pada tahun 1924.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis data sejarah bermula zaman Rasulullah SAW sehingga kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah pada tahun 1924 menunjukkan bahawa:

1. Rasulullah SAW menerima penggunaan dinar dan dirham daripada kerajaan Rom dan Parsi. Ini menunjukkan bahawa dinar emas boleh diterima sebagai alat perantara yang sesuai dalam urusan jual beli.
2. Dinar emas memenuhi prinsip dan ciri-ciri sebagai mata wang yang dituntut dalam Islam, lebih-lebih lagi al-Quran dan al-Hadis mengindeksinya dinar dan dirham sebagai merujuk kepada mata wang.
3. Mata wang menjadi inti pati penting dalam pemerintahan Khulafa al-Rashidin apabila sentiasa berlaku perubahan terhadap mata wang Rom dan Parsi pada masa itu agar dapat menonjolkan nilai Islam pada mata wang.

4. Dinar emas merupakan mata wang Islam pertama yang telah diperkenalkan pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan.
5. Dinar emas Islam diperkenalkan adalah (a) untuk membebaskan negara Islam dari menggunakan mata wang asing (Parsi dan Rom). Pembebasan ini sama ada dari sudut ekonomi dan pembebasan dari unsur-unsur bukan Islam pada mata wang, (b) menyatukan seluruh umat Islam dengan satu mata wang sahaja setelah terdapat pelbagai mata wang yang dikeluarkan oleh gabenor wilayah, dan (c) hanya kerajaan sahaja yang berhak mengeluarkan mata wang.
6. Dinar emas menjadi jati diri dan lambang kekuatan umat Islam sehingga dapat mengalahkan mata wang asing lain, sekali gus membuktikan kekuatan dan kestabilan nilai dinar emas.
7. Tiada direkodkan masalah inflasi sepanjang penggunaan dinar emas. Walau bagaimanapun, inflasi dapat dikesan setelah berlakunya penurunan nilai perak ‘akche’ dan kemasukan mata wang tersebut secara berleluasa. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kemasukan perak yang berlebihan oleh pedagang-pedagang Eropah yang membeli emas untuk dieksport ke negara mereka. Pada masa yang sama juga berlaku lambakan mata wang tembaga atau mangir sehingga hampir tiada nilai dan tidak digunakan langsung dalam urusan jual beli.
8. Penggunaan dinar emas berakhir secara rasmi pada tahun 1924 sewaktu kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Penggunaan dinar emas moden mula diperkenalkan pada tahun 1992 oleh Islamic Mint Sdn. Bhd.

Analisis berdasarkan sejarah Islam telah menunjukkan bahawa dinar emas pernah menjadi kunci penting dalam kejayaan sesebuah kerajaan Islam, kekuatan dan lambang jati diri umat Islam. Sejarah ketamadunan Islam telah menggambarkan bahawa dinar emas atau mata wang yang berasaskan komoditi bernilai adalah lebih stabil dan dapat mengelak pelbagai krisis ekonomi. Inflasi dan krisis ekonomi yang berlaku pada hari ini juga pernah disebutkan dalam sejarah Islam apabila nilai mata wang perak ‘akche’ yang dicetak dan diturun nilai secara berleluasa menjadi penyebab utama krisis ekonomi pada zaman Uthmaniyyah, sekali gus menjadi pencetus kepada kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah pada tahun 1924. Maka, cadangan menggunakan kembali dinar emas bukanlah satu cadangan yang tidak berasas bahkan

keharmonian sistem ini telah dibuktikan dalam sejarah ketamadunan Islam. Walau bagaimanapun, mekanisme pelaksanaannya perlulah diteliti dengan pengkajian yang mendalam agar bersesuaian dengan realiti ekonomi semasa.

#### RUJUKAN

- Abd al-Rahman Ibn Muhammad al-Hadrami Ibn Khaldun. 1996. *Muqaddimah al-‘allamah Ibn Khaldun*. Cet. ke-3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Hasan. 1999. *al-Awraq al-naqdiyyah al-iqtisadi al-Islami: Qimmatuha wa Akhamuha*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Hassani. 1983. *al-Sirah al-Nabawiyyah*. terj. Bey Arifin Yunus Ali Mudhan. Singapura: Pustaka Nasional Ptd. Ltd.
- al-Khattabi, H. B. 1933. *Ma ‘alim al-sunan*. Halab: Matbaah al-Ilmiyyah.
- Anwar Zainal Abidin. 2002. Sejarah penggunaan mata wang dinar. Kertas kerja Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan. Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 16 Mac 2002.
- Giersom. 1960. The monetary reforms of Abdul Malik. *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 3: 241-264.
- Hallan, H. A. 1978. *Ta’rib al-nuqud wa al-dawawin fi al-asr al-Umawi*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnan.
- Hayil ‘Abd al-Hafiz Yusuf Dawud. 1997. *Taghayyur al-qimah al-syira‘iyah li al-nuqud al-waraqiyah*. Amman: University of Jordan.
- Ibrahim bin Muhammad bin ‘Abd Allah bin Muflif al-Hambali. 1440H. *al-Mubdi‘*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Kamaru Salam Yusuf. 2005. Mata wang semasa dan permasalahannya menurut Islam. Tesis Dr. Fakulti Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lewis, N. 2007. *Gold: The Once and Future Money*. Amerika: John Wiley & Sons Inc.
- Mahathir Mohammad. 2005. Kegagalan pelaksanaan dinar emas di Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 25 September.
- Mohammad Nurhakim. 2008. *Jatuhnya Sebuah Tamadun*. Selangor: Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad al-Haj Nasir. t.th. *al-Muamalat al-Islamiyyah wa taghyir al-umlah qimatan wa aynan*. *Majallah majma‘ al-fiqh al-Islami*: 1870-1894.
- Muhammad bin Muhammad ‘Abd al-Wahid al-Shaybani. 1415H/1995M. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad Hamzah al-Haddad. 2000. *al-Mujmal fi al-athar wa al-hadarah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Zahrah al-Sharif.
- Nahid ‘Abd al-Razzak al-Qaysi. 2006. *al-Dinar al-Arabiyyah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar al-Manahij li Nasyar wa al-Tawzi.

- Nurfarizan Jaafar. 2010. Sejarah penggunaan wang dinar dan dirham dari zaman Rasulullah SAW sehingga zaman Kerajaan Abbasiyah. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Sejarah dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pamuk, S. 2000. *A Monetary History of the Ottoman Empire*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Taqi al-Din Ahmad al-Maqrizi. 1957. *al-Ighathah al-ummah bi kashfi al-ghummah*, Kaherah: Matba'ah Li al-Jannah.
- Tayyib al-Hibri. 1993. Coinage reform under the Abasid Caliph al-Ma'mum. *Journal of the Economic and Social History of the Orient* 36: 58-83.
- Salmy Edawati Yaacob, Sanep Ahmad dan Wan Najihah Wan Zabaria. 2009. Kestabilan mata wang dalam menangani krisis ekonomi: Ke arah penggunaan dinar emas. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar 2009: Dinar Alternatif Masa Kini dan Hadapan*, hlm. 362-373.
- Salmy Edawati Yaacob. 2009. Sejarah dinar emas dan kronologi pertukaran mata wang dunia. *Journal of al-Tamaddun* 4: 107-127.
- \_\_\_\_\_. 2011. Dinar emas dan mekanisme pelaksanaannya dalam ekonomi semasa. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Shahadah, N. 2006. *Safhat min al-hadarah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Nahdhah al-Arabiyyah.
- The British Museum. 2009. Explore. [http://www.britishmuseum.org/explore/highlights/highlight\\_objects/](http://www.britishmuseum.org/explore/highlights/highlight_objects/) [2 Ogos 2009].
- The New Encyclopedia Britannica*. 2002. Chicago: Encyclopedia Britannica
- The New Encyclopedia of Islam*. 2002. California: AltaMira Press.
- Vadillo, Umar Ibrahim. 2002. *The Return of the Islamic Gold Dinar*. South Africa: Madinah Press.
- Zaydan, Jorji. t.th. *Tarikh al-tamadun al-Islami*. Beirut: Manshurat Dar Maktabah al-Hayah.

Salmy Edawati Yaacob, Ph.D  
 Jabatan Syariah  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 e-mail: salmy1001@ukm.my